

BAB 4

SUMBER DAN METODE PENULISAN HADITH DALAM KITAB

AL-ARBA‘ŪN AL-BULDĀNIYYAH

4.1 Pengenalan

Pada bab-bab sebelumnya telah diuraikan karya-karya Ulama dalam *al-Arba‘īnāt*, dan dimulai dengan memperbincangkan tentang takrif, latar belakang termasuk motif dan kepentingan bilangan 40 dalam pengkaryaan serta sejarah perkembangannya.

Demikian pula penjelasan tentang maklumat karya-karya *al-Arba‘īnat* yang telah dihasilkan dari Ulama silam sehingga sekarang, setengah karya tersebut telah diterbitkan, tapi kebanyakannya masih dalam bentuk manuskrip dan tidak diperlukan lagi. Lebih lagi populariti kitab *Arba‘īn al-Nawawiyyah* seakan-akan menutupi karya-karya lain dibidang ini.

Tapi faktanya banyak kitab-kitab karya *al-Arba‘īnāt* lain dengan metode yang bermacam-macam telah pun disumbangkan oleh para Ulama dan Sarjana Islam. Malah Ulama Nusantara pula turut serta meramaikan dan memarakkan pengkaryaan tersebut sebagaimana yang akan diulas pada bab ketiga kajian sebelumnya.

Antara Ulama Nusantara itu yang turut memberikan sumbangan dalam pengkaryaan *al-Arba‘īnāt* adalah Sheikh Yāsīn al-Fādānī. Beliau yang tidak sahaja menyibukkan dan mengkhidmatkan dirinya dalam pengajian sanad, tapi beliau juga mempunyai keprihatinan pula terhadap penulisan dan penyusunan karya *al-Arba‘īnāt* tersebut, manakala kitab *al-Arba‘ūn al-Buldāniyyah* adalah salah satunya.

Maka itu pada bab ini merupakan fokus utama kajian, menganalisis secara kritis dan analistik tentang kitab *al-Arba‘ūn al-Buldāniyyah* karya Sheikh Yāsīn al-Fādānī yang memfokuskan kepada metode dan sumber daripada kitab tersebut.

Bab ini pula merupakan kemuncak perbahasan kajian, iaitu secara praktikal yang dilakukan untuk menghuraikan secara analitis metode yang digunakan oleh Sheikh Yāsīn al-Fādānī dalam menulis Hadith-Hadith dalam kitab *al-Arba ‘ūn al-Buldāniyyah* yang merupakan salah satu karya jenis *al-Arba ‘īnāt* dalam Hadith.

4.2 Metode Penulisan Kitab *al-Arba‘ūn al-Buldāniyyah*

Pelbagai macam cara dan metode yang beliau kerjakan dalam mengumpulkan salasilah sanad Hadith, di antaranya adalah mengumpulkan sanad-sanad Hadith dengan memisahkan sebanyak empat puluh Hadith yang beliau sandarkan kepada empat puluh guru beliau pula yang berbeza, sama ada pengkhususannya kepada kepelbagaian tempat atau negeri para guru mahupun kitab-kitab Hadith.

Kitab Hadith dengan metode seperti ini bukanlah hal yang baru melainkan ianya telah pernah dikerjakan oleh ramai Ulama sebelum beliau seperti yang telah disajikan pada bab sebelumnya.

Maka itu pengkaryaan kitab Hadith dengan menggunakan metode *al-Arba‘īnāt al-Buldāniyyah* yang dikerjakan Sheikh Yāsīn al-Fādānī merupakan kelanjutan dari warisan Ulama sebelum beliau, terutamanya lagi guru beliau sendiri yang bernama *al-Hāfiẓ ‘Abd al-Ḥafīẓ bin al-Jamāl Muḥammad Tāhir al-Fahri* (m.1383H), sebagaimana yang telah dijelaskan dalam bab sebelumnya tentang latar belakang penulisan karya ini.

Namun demikian, kitab yang ditulis oleh Sheikh Yāsīn al-Fādānī mempunyai keistimewaan-keistimewaan tersendiri seperti keistimewaan kitab-kitab yang ditulis oleh Ulama sebelum beliau, sehingga menjadi salah satu dalil bagi mengkaji kitab tersebut.

Beliau mempunyai metode tersendiri dalam penulisan Hadith-Hadith yang terdapat didalamnya. Metode atau kaedah penulisan kitab yang diaplikasi oleh beliau dapat dibahagikan kepada metode pengumpulan dan penyusunan Hadith dan metode penyampaian yang merangkumi metode pentakhrijan dan syarah kepada Hadith tersebut.

Metode pengumpulan dan penyusunan di sini bermaksud cara yang diaplikasi Sheikh Yāsīn al-Fādānī dalam menulis dan menyusun Hadith dalam kitab *al-Arba‘ūn al-Buldāniyyah*.

Pada metode ini merupakan huraikan mengenai penulisan tulis teks (matan) Hadith dalam kitab *al-Arba ‘ūn al-Buldāniyyah*, sama ada dari sudut ketepatan penulisan sama ada matan (teks) Hadith mahupun sanad Hadith berdasarkan kitab dan periwayatan asal Hadith tersebut.

Manakala maksud metode penyampaian dan periwayatan Hadith pula adalah metode atau cara yang biasa dan lazim digunakan Sheikhs Yāsīn al-Fādānī dalam meriwayatkan atau menyampaikan Hadith dalam kitab tersebut. Ianya merupakan huraian kepada cara Sheikhs Yāsīn al-Fādānī dalam menyampaikan Hadith-Hadith dalam kitab *al-Arba ‘ūn al-Buldāniyyah* dari sudut cara Hadith tersebut diterima beliau kemudian ditulis atau disampaikan ke dalam kitab tersebut, termasuk di dalamnya penulisan takhrij dan pernyataan beliau sama ada berupa syarahan mahupun penilaian ke atas status Hadith.

4.2.1 Metode Pengumpulan dan Penyusunan Hadith

Pada metode ini beliau secara sengaja memilih Hadith-Hadith Nabawiyah sahaja tanpa satu Hadith qudsi di dalamnya. Hadith-Hadith itu tidak disusun secara tematik seperti beberapa kitab *al-Arba ‘īn* yang pernah ditulis para Ulama selain beliau.

Keseluruhan Hadith-Hadith dalam kitab ini ditulis secara bersambung sanadnya bermula daripada guru beliau sehingga Nabi s.a.w.. Secara spesifik metode ini dapat ditinjau kepada aspek Matan dan Aspek sanad.

4.2.1(a) Aspek Matan

Hurairan pemilihan Hadith-Hadith dalam kitab *al-Arba ‘ūn al-Buldāniyyah* yang diaplikasi Sheikhs Yāsīn al-Fādānī adalah sebagai berikut:

Pertama, Hadith-Hadith yang terdapat didalam kitab ini semuanya adalah Hadith-Hadith nabawiyah, tidak satu satuh Hadith qudsiyah pun dijumpai didalamnya.

Para penulis kitab *al-Arba 'ināt* tidak hanya menukilkan Hadith-Hadith nabawiyyah sahaja tetapi juga Hadith qudsiyah meskipun dalam jumlah yang sedikit,²¹¹ misal kitab *al-Arba 'īn* yang paling masyhur yakni kitab *al-Arba 'īn al-Nawawiyyah* karya Imam Yahyā al-Sharf al-Dīn al-Nawawī (m.676H).²¹²

Malah dalam kitab jenis *al-Arba 'ināt al-Buldāniyyah* contoh kitab *al-Arba 'ūn al-Buldāniyyah* karya Hafiz Abū Ṭāhir al-Silafī (m.576H) masih memasukkan Hadith qudsi didalam kitabnya ini, yakni Hadith ke-20 dari 40 Hadith dalam kitabnya tersebut.²¹³

Kedua, mengemukakan sebanyak empat puluh Hadith dengan pelbagai tema tanpa adanya kekhususan pada tema tertentu, misal mengkhususkan Hadith-Hadith pada tema akidah atau usuluddin sahaja seperti kitab *al-Arba 'īn fī Dalā'il al-Tawḥīd* karya Abū Ismā'īl al-Harawī (m.481H), dan kitab *al-Arba 'īn fī Uṣūl al-Dīn* karya Abū Hāmid Imam al-Ghazālī (m.505H) atau tema khusus dalam masalah hukum-hukum fekah atau kaerah-kaerah hukum syariat seperti kitab *al-Arba 'īn Hādīḥan fi Qawā'id min al-Aḥkām al-Shar'iyyah wa Faḍā'il al-A'māl wa al-Zuhd* karya Imam Jalāl al-Dīn al-Suyūtī (m.911H).

Selain itu kitab *al-Arba 'ūn al-Buldāniyyah* karya Sheikh Yāsīn al-Fadānī ini tidak disusun dengan tema-tema khusus lainnya atau tema umum yang mencakup perkara tertentu yang paling penting dan disusun secara sistematik seperti kitab *al-Arba 'īn* karya Imam al-Nawawī (m.676H) dan penulis kitab *al-Arba 'ināt* yang lain.

Ini bermakna bahawa Sheikh Yāsīn al-Fadānī tidak mengumpulkan dan menyusun Hadith-Hadith dalam kitab *al-Arba 'ūn al-Buldāniyyah* karya beliau

²¹¹ Terdapat pula kitab *al-Arba 'īn* yang khusus hanya mengoleksi 40 hadith-hadith qudsi seperti kitab *al-Āḥādīth al-Qudsiyah al-Arba 'īniyyah* karya Sheikh al-'Allāmah Mu'lā Alī al-Qāri (m.1016H). Kitab ini telah ditahkik dan ditakhrij hadith-hadithnya oleh Sheikh Abū Ishāq al-Ḥuwaynī, kemudian dicetak dan diterbitkan pertama kali oleh Maktabah al-Šāhābah dan Maktabah al-Tabi'īn pada tahun 1412 Hijri.

²¹² Imam al-Nawawi mengumpulkan 40 hadith nabawiyyah kecuali sebuah hadith yakni hadith ke-40 yang merupakan hadith qudsi.

²¹³ Al-Silafī, *al-Arba 'īn*, 55-56.

inidengan metode penyusunan atau pentartiban sama ada berdasarkan bab-bab tertentu mahupun prioritas tertentu dalam perkara agama Islam.

Tetapi Hadith-Hadith yang dikumpulkan dalam kitabnya ini sahaja merupakan koleksi 40 Hadith yang dipilih daripada 40 guru yang telah memberikan ijazah sanad dan kitab Hadith kepada beliau. Selain itu beliau memperbagus koleksinya dengan memilih guru-guru yang berasingan tempat tinggal dan asal daripada guru-gurunya tersebut.

Malah Sheikh Yāsīn al-Fādānī memasukkan sebanyak 2 buah Hadith yang sama, meskipun sumber periyatannya sama ada sumber guru mahupun kitab asalnya berbeza.

Contoh: Hadith No. 4

عَنْ أَنْسِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ : كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا صَلَّى الْغَدَاءَ جَاءَ خَدْمُ

الْمَدِينَةِ بَأْنِيهِمْ فَمَا يُؤْتَى بِإِنَاءٍ إِلَّا عَمِسَ يَدَهُ فَيُهَمِّسُهُ بِحَافَّهِ فِي الْعَدَاءِ الْبَارِدَةِ فَيَعْمَسُهُ

يَدَهُ فِيهَا

Sumber guru daripada Hadith ke-4 ini adalah Sheikh Wajīh bin Aḥmad bin ‘Abūd bin Abd al-Rahmān, Ibn ‘Afīf (m.1353H) daripada Jedah, Arab Saudi. Manakala sumber asal daripada Hadith ini adalah Imam Muslim bin al-Hajjāj dalam *Ṣaḥīḥ Muslim*²¹⁴ sama ada lafaz mahupun *isnad* Hadithnya.

Hadith yang sama juga diriwayatkan juga oleh Sheikh Yāsīn al-Fādānī pada Hadith no. 13 daripada guru beliau yang lain yang bernama al-‘Allāmah Sayyid ‘Abd Allāh bin Tāhir bin ‘Abd Allāh bin Taha al-Haddād (m.1367H) daripada Hadramaut,

²¹⁴ Sheikh Yāsīn al-Fādānī dalam pelbagai karya beliau ketika menceritakan silsilah sanad daripada kitab-kitab hadith sering menamakan Sahih Muslim dengan nama *al-Ṣaḥīḥ bi Naql al-‘Adl dari ‘Adl*. Penamaan ini dapat dilihat dibeberapa kitabnya seperti *al-Asāniḍ al-Makkīyah*. Lihat Yāsīn, *al-Asāniḍ al-Makkīyah*, 6. Dan juga beliau sebutkan dalam kitab *al-Maslak al-Jalī*. Lihat Muḥammad Yāsīn bin ‘Isā al-Fādānī, *al-Maslak al-Jalī fī Asāniḍ Muḥammad ‘Alī bin Ḥusayn bin Ibrāhīm al-Mālikī al-Makkī* (cet. ke-3, Beirut: Dār al-Bashā’ir al-Islāmiyyah, 1988), 8. Beliau juga menyebutkannya dalam *al-Waraqat*. Lihat Muḥammad Yāsīn bin ‘Isā al-Fādānī, *Waraqāt fī Majmu’ah al-Musalsalāt wa al-Awā’il wa al-Asāniḍ al-‘Āliyah* (cet. ke-2, Damsyik: Dār al-Baṣā’ir, 1986), 15.

Yaman. Manakala sumber asal Hadith ini adalah Aḥmad bin Ḥanbal dalam *Musnad al-Imām Aḥmad bin Hanbal*.

Ini menunjukkan motif penulisan kitab *al-Arba ‘ūn al-Buldāniyyah* adalah menghimpunkan 40 orang guru dari pelbagai negeri atau daerah yang mempunyai sanad sehingga kepada Rasulullah s.a.w. bukan kepada jumlah Hadithnya.

Ketiga, kesemua Hadith-Hadith yang terdapat dalam kitab ini adalah Hadith-Hadith yang sama lafaz dan sanadnya daripada sumber asal perawi mahupun kitab Hadith kecuali beberapa Hadith sahaja, seperti Hadith no. 1 yang beliau sebutkan dengan sanad yang beliau perolehi daripada gurunya sampai kepada Imam Aḥmad bin Ḥanbal melalui jalur Abū Mu’awiyah dari Qanān bin ‘Abd Allāh al-Nahmī dari ‘Abd al-Rahmān bin ‘Awsajah dari al-Barrā bin ‘Āzib r.a.

Contoh: Hadith No. 1

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : مَنْ مَنَحَ مِنْحَةً مِنْ وَرِيقٍ أَوْ هَدَى رُقَافَاً كَانَ لَهُ مِثْلُ

عِنْقِ رَقَبَةٍ

Hadith dengan lafaz ini tiada dijumpai langsung dalam kitab *Musnad al-al-Imām Aḥmad* sama ada melalui *isnad* yang sama dengan yang dibawakan oleh Sheikh Yāsīn al-Fādānī mahupun dari jalur lain yang terdapat dalam kitab *Musnad al-Imām Aḥmad*.

Malah tidak pula terdapat dalam mana-mana kitab asal seperti yang disebutkan oleh Sheikh Yāsīn al-Fādānī dalam penyandarannya kepada kitab-kitab Hadith yang lain seperti Imam al-Tirmidhī dalam *Sunan al-Tirmidhī*, Imam al-Ḥākim dalam *al-Mustadrak ‘alā al-Ṣaḥīḥayn*, Abū Dāwud al-Ṭayālīsī dalam Musnad beliau, Hafiz Ibn Abū Shaybah Muṣannaf beliau, ‘Abd al-Razzāq Muṣannaf dan selain mereka.

Manakala lafaz Hadith melalui *isnad* yang disebutkan Sheikh Yāsīn al-Fādānī daripada Hadith riwayat Imam Ahmad melalui jalur yang sama adalah berikut:

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : مَنْ قَالَ : لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ لَهُ
الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ فَدِيرٌ أَوْ هَدَىٰ رُقَافًا كَانَ كَمَنْ أَعْتَقَ

²¹⁵ رَقَبَةٌ

Imam Aḥmad bin Ḥanbal pula telah meriwayatkan Hadith yang semisal ini dari pelbagai jalur antaranya:²¹⁶

- Hadith no. 18710 daripada jalur ‘Affān dari Muḥammad bin Ṭalḥah dari Ṭalḥah bin Muṣarrif dari ‘Abd al-Rahmān bin ‘Awsajah daripada Hadith al-Barrā bin ‘Āzib r.a. dengan lafaz sebagaimana berikut:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : مَنْ مَنَحَ مِنْحَةً وَرِقَّةً أَوْ مِنْحَةً لَبْنَ أَوْ هَدَىٰ

رُقَافًاٍ فَهُوَ كَعِتَاقٍ نَسَمَةٍ

- Hadith no 18715 dari jalur ‘Affān dari Shu’bah dari Ṭalḥah dari ‘Abd al-Rahmān bin ‘Awsajah daripada Hadith al-Barra’ bin ‘Āzib r.a. dengan lafaz berikut:

عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : مَنْ مَنَحَ مِنْحَةً وَرِقَّةً أَوْ مَنَحَ وَرِقَّاً أَوْ هَدَىٰ رُقَافًا أَوْ

سَقَى لَبَنًا كَانَ لَهُ عَدْلَ رَقَبَةٍ أَوْ نَسَمَةٍ

- Hadith no. 18819 dari jalur ‘Abd al-Razzāq dari Sufyān dari Maṇṣūr dan al-A’ mash dari Ṭalḥah dari ‘Abd al-Rahmān bin ‘Awsajah dengan lafaz:

قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : وَمَنْ مَنَحَ مَبِينَحَةً لَبَنِ أَوْ مَبِينَحَةً وَرِقَّةً أَوْ هَدَىٰ رُقَافًا فَهُوَ

كَعِتَاقٍ رَقَبَةٍ

²¹⁵ Abū ‘Abd Allāh Aḥmad bin Ḥanbal, Abū Suhayb Ḥasān ‘Abd al-Manān al-Jibālī, ed., *Musnad al-Imām Aḥmad bin Ḥanbal* (1998; cet. ke-4, Lubnān: Bayt al-Afkār al-Dawliyyah, 2010), 2:336 (Musnad al-Bara’ bin ‘Azir r.a., no. Hadith 18730).

²¹⁶ Lihat *Ibid.*, 334, 344, 348, & 351.

4. Hadith no. 18868 dari jalur Waki' dari al-A'mash dari Ṭalḥah bin Muṣarrif dari 'Abd al-Rahmān bin 'Awsajah dengan lafaz:

قالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : مَنْ مَنَحَ مَنِيْحَةً وَرِقِّيْأً أَوْ مَنِيْحَةً لَبَنِّيْأً أَوْ هَدَى زُفَاقًا

كان له كعْدُل رَقَبَةٍ

5. Hadith no. 18908 dari jalur Yaḥyā dan Muḥammad bin Ja'far dari Shu'bah dari Ṭalḥah bin Muṣarrif dari 'Abd al-Rahmān bin 'Awsajah dengan lafaz:

عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : مَنْ مَنَحَ مَنِيْحَةً وَرِقِّيْأً أَوْ هَدَى زُفَاقًا أَوْ سَقَى لَبَنًا

كان له عَدْلَ رَقَبَةٍ أَوْ نَسَمَةٍ

Manakala dalam riwayat Imam al-Tirmidhi pula telah meriwayatkan Hadith ini dari jalur Abū Ishaq dari Ṭalḥah bin Muṣarrif, dengan lafaz berikut:

مَنْ مَنَحَ مَنِيْحَةً لَبَنِّيْأً أَوْ وَرِقِّيْأً كَانَ لَهِ مِثْلُ عِنْقِ رَقَبَةٍ

Beliau (Imam al-Tirmidhi) mengatakan bahawa Hadith ini adalah Hadith *hasan sahīh ghariib* daripada jalur Abu Ishaq dari Ṭalḥah bin Muṣarrif, tidak dikenali kecuali melalui jalur ini sahaja.²¹⁷

Hadith ini juga diriwayatkan oleh Abu Dāwud al-Ṭayālī daripada jalur Ṭalḥah bin Muṣarrif.²¹⁸ Hafiz Ibn Hibban pula dalam *Saḥīḥ Ibn Ḥibbān* daripada jalur Ṭalḥah bin Muṣarrif dari 'Abd al-Rahmān bin 'Awsajah.²¹⁹ Manakala Imam al-Bukhārī pula

²¹⁷ Al-Tirmidhi, *Sunan al-Tirmidhi*, 445-446 (Kitab al-Birr wa al-Waṣilah, Bab Mā Jā'a fī al-Minḥah, no. Hadith 1957).

²¹⁸ Sulaymān bin Dāwud bin al-Jārūd, Muhammad bin Abd al-Muhsin al-Turkī, ed., *Musnad Abī Dāwud al-Ṭayālī* (Madinah: Hajar, 1999), 2:104-105 (Musnad al-Barā' bin 'Āzib, no. hadith 776).

²¹⁹ 'Alī bin Balbān al-Fārisī, Shu'ayb al-Arnā'ūt, ed., *Saḥīḥ Ibn Ḥibbān bi Tartīb Ibn Balbān* (cet. ke-2, Beirut: Muassasah al-Risālah, 1993), 11:494 (Kitab al-'Āriyah, Bab Dhikr Tafaḍḍul Allāh Jalla wa 'Alā 'alā Māniḥ al-Manīḥah wa al-Hādi al-Zuqāq bi Katbih Ajr Nasamah Law Taṣaddaq bihā, no. Hadith 5096).

meriwayatkannya dalam kitab *al-Adab al-Mufrad* dari Qanān bin ‘Abd Allāh.²²⁰

.Diriwayatkan pula oleh Hafiz ‘Abd al-Razzāq dalam *Muṣannaf* beliau dari jalur Manṣūr dan al-A’mash dari Ṭalḥah dari ‘Abd al-Raḥmān bin ‘Awsajah dengan tambahan:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى الصُّفُوفِ الْأُولَى، وَرَبُّوْنَاهُ الْقُرْآنَ بِأَصْوَاتِكُمْ وَمَنْ مَنَعَ ...²²¹

Mengenai status Hadith tersebut, Sheikh Yāsīn al-Fādānī menilai Hadith ini Hadith *hasan ṣaḥīḥ isnād*. Istilah ini diaplikasi beliau untuk menjelaskan bahawa isnad Hadith ini mempunyai 2 jalur yakni hasan dan sahih. Beliau mengaplikasi istilah *hasan ṣaḥīḥ isnād* untuk menjelaskan bahawa Hadith tersebut mempunyai dua jalur sanad, salah satunya hasan dan yang lainnya sahih.

Istilah ini pula mengekori Imam al-Tirmidhī yang memberikan penilaian ke atas sesebuah Hadith sama ada dengan istilah *hasan ṣaḥīḥ*, *hasan gharīb*, *hasan ṣaḥīḥ gharīb* mahupun yang semisalnya yang banyak dijumpai dalam kitab *Sunan al-Tirmidhī*.

Para Ulama telah memperbincangkan istilah yang dibuat Imam al-Tirmidhī tersebut, misal: *hasan ṣaḥīḥ*. Mereka berbeza pendapat mengenai maknanya, setengah Ulama memberi tafsiran bahawa ianya bermakna yang sesebuah Hadith itu mempunyai dua jalur sanad (*isnād*), satu jalur sanadnya hasan manakala yang satu pula sahih atau lebih tinggi kualiti para perawinya. Setengah yang lain pula memahami bahawa maknanya adalah Hadith itu ditinjau dari aspek matan maka ianya hasan, dan Hadith itu sahih apabila ditinjau dari aspek matan.²²²

Sheikh Yāsīn al-Fādānī cenderung dengan pendapat pertama sehingga beliau menambahkan kalimah “*al-isnād*” setelah kalimah *hasan ṣaḥīḥ* untuk memberi kesan

²²⁰ Muḥammad bin Ismā’īl al-Bukhārī, Muḥammad Fuad ‘Abd al-Bāqī, ed., *al-Adab al-Mufrad* (Kaherah: al-Maṭba’ah al-Salafiyyah, 1979), 229.

²²¹ ‘Abd al-Razzāq bin Hammām al-San’ānī, Ḥabīb al-Raḥmān al-A’zamī, ed., *al-Muṣannaf* (Beirut: al-Maktab al-Islāmī, t.t.), 2:484 (Kitab al-Ṣalāh, Bab Ḥusn al-Sawt, no. Hadith: 4175).

²²² Lihat Shākir, *al-Bā’ith al-Hathīh*, 41 dan Ābadī, *Mu’jam al-Muṣṭalahāt*, 36.

bahawa Hadith yang disebutkan adalah Hadith yang mempunyai dua jalur sanad yang mempunyai darjat yang berbeza sama ada hasan mahupu sahih.

Hal ini diperkuat dengan menyebutkan jalur periwatan lain setelah menyebutkan perawi Hadith daripada kitab asal yang meriwayakan Hadith yang beliau sebutkan (Hadith no. 1), beliau berkata:

... ورواه أيضًا عن عثمان عن شعبة ومحمد بن طلحة كلاهما عن طلحة بن مصرف عن ...²²³

عوسحة²²⁴

“...Diriwayatkan juga daripada (jalur) Uthmān dari Shu’bah dan Muḥammad bin Ṭalḥah keduanya (meriwayatkan) daripada Ṭalḥah bin Muṣarrif dari (Ibn) ‘Awsajah.”²²⁵

Sheikh Yāsīn al-Fādānī pula menggunakan istilah *hasan saḥīḥ al-isnād* terhadap Hadith tersebut adalah untuk menjelaskan bahawa Hadith itu telah diriwayatkan dari 2 jalur sanad, yang satu dari jalur sanad (*isnad*) yang hasan manakala yang satu lagi dari jalur sanad (*isnad*) yang sahih.

Isnad yang hasan adalah jalur sanad daripada Qanān bin ‘Abd Allāh al-Nahmī dari ‘Awsajah lebih rendah kualitinya apabila dibanding dengan jalur daripada Ṭalḥah bin Muṣarrif dari (Ibn) ‘Awsajah. Kerana Qanān bin ‘Abd Allāh al-Nahwī tetapi masih dibawah dari Ṭalḥah bin Muṣarrif yang tidak ada perselisihan dikalangan ahli naqd tentang keutamaan beliau.²²⁶

Manakala Qanān bin ‘Abd Allāh al-Nahmī pula kualiti kedabitan beliau dibawah Ṭalḥah bin Muṣarrif. Sebab secara umum beliau dinilai thiqah misal oleh Ibn Ma’īn

²²³ Terdapat kesalahan penulisan nama dalam kitab *al-Arba’ūn al-Buldāniyyah* Sheikh Yāsīn al-Fādānī. Nama yang sebenar adalah Muḥammad bin Ṭalḥah.

²²⁴ Yang sebenar adalah ‘Abd al-Rahmān bin ‘Awsajah.

²²⁵ Yāsīn, *al-Arba’ūn al-Buldāniyyah*, 6.

²²⁶ Ahmad bin ‘Alī bin Hajar al-‘Asqalānī, Ḥāmid ‘Abd Allāh al-Mahallāwī, ed., *Tahdhīb al-Tahdhīb* (Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 2010), 3:453.

tetapi secara kekuatan hafalan beliau dinilai lemah (*laysa bi al-qawi*) oleh Imam al-Nasā'i.²²⁷

Keempat, berdasarkan telaah dan semakan penulis dapat dikenali bahawa tema-tema Hadith yang dikumpulkan dalam kitab tersebut merangkumi sebagaimana berikut:

1. Keimanan. Contoh Hadith ke-3 iaitu Hadith tentang tiga orang yang dapat merasakan manisnya keimanan.²²⁸ Hadith ini diriwayatkan daripada gurunya yang bernama Sheikh Thābit bin ‘Abd al-Rahmān al-‘Afīfī (m.1353H) secara bersanad sehingga kepada Abū Dāwud al-Tayālī (m.604H)²²⁹ yang bersambung sanadnya kepada Anas bin Malik daripada Rasulullah s.a.w.:

ثَلَاثٌ مَنْ كُنَّ فِيهِ وَجَدَ هِنَّ حَلَوَةُ الْإِيمَانِ : مَنْ يَكُنُ اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَحَبَّ إِلَيْهِ مَمَّا

سِواهُمَا ، وَأَنْ يُقْذَفَ الرَّجُلُ فِي النَّارِ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِنْ أَنْ يَرْجِعَ فِي الْكُفْرِ بَعْدَ أَنْ

أَنْقَادَهُ اللَّهُ مِنْهُ ، وَأَنْ يُحِبَّ الرَّجُلُ الْعَبْدُ لَا يُحِبُّهُ إِلَّا لِلَّهِ ، أَوْ قَالَ : فِي اللَّهِ عَزَّ

²³⁰ وَجَلَّ

2. Kelebihan mempelajari al-Qur'an. Contohnya diantaranya Hadith ke-31 iaitu Hadith tentang orang yang belajar al-Qur'an dan mengajakannya. Hadith ini diriwayatkan oleh beliau daripada gurunya, Kiyai Jam'ān bin Sāmūn (m.1381H) dan sampai sanadnya kepada Imam al-Baghawī (m.516H) yang diriwayatkan secara bersanad sehingga ‘Uthmān bin ‘Affān r.a. daripada Rasulullah s.a.w.:

²²⁷ *Ibid.* 6:24.

²²⁸ Yāsīn, *al-Arba 'ūn al-Buldāniyyah*, 9.

²²⁹ Al-Jārūd, *Musnad*, 3:465-466 (Musnad Anas bin Mālik, no. Hadith: 2071).

²³⁰ Yāsīn, *al-Arba 'ūn al-Buldāniyyah*, 9.

3. Adab doa. Contohnya Hadith ke-18 iaitu tentang Allah malu membiarkan seorang yang mengangkat tangan ketika berdoa pulang dalam keadaan kosong. Hadith ini diriwayatkan daripada gurunya bernama Sheikh Muḥammad Abū al-Naṣr al-Ḥimṣ yang bersambung sanadnya sehingga Abū Dāwud²³², pengarang kitab *Sunan Abī Dāwūd*:

إِنَّ رَبُّكُمْ حَيٌّ يَسْتَخْرِجُ مِنْ عَبْدِهِ إِذَا رَفَعَ يَدَهُ أَنْ يَرُدُّ هُمَا صِفْرًا²³³

4. Kelebihan amal. Contohnya Hadith pertama iaitu Hadith tentang kelebihan memberikan sesebuah pemberian atau menunjukki jalan kepada orang yang tersesat.²³⁴
5. *Targhib* dan *Tarhib*. Contohnya Hadith ke-16 iaitu Hadith tentang surga yang diperoleh atas orang yang sakit dan ditimpa musibah,²³⁵ dan Hadith ke-14 iaitu Hadith tentang siksa yang paling keras di hari kiamat bagi para pembuat gambar-gambar yang bernyawa.²³⁶
6. Manakib dan kelebihan Sahabat. Contohnya Hadith ke-26 iaitu Hadith tentang kelebihan dan kedudukan ‘Alī bin Abū Ṭālib r.a.²³⁷ dan Hadith ke-14 tentang kedudukan Abū ‘Āmir al-Ash’ārī r.a.²³⁸

²³¹ *Ibid.*, 61.

²³² Dāwud, *Sunan Abī Dāwūd*, 306 (Kitab al-Ṣalāḥ, Bab al-Du’ā, no. Hadith 1488).

²³³ *Ibid.*, 36-37.

²³⁴ *Ibid.*, 8.

²³⁵ *Ibid.*, 32-33.

²³⁶ *Ibid.*, 29.

²³⁷ *Ibid.*, 52.

²³⁸ *Ibid.*, 48.

7. Tanda-tanda kiamat. Contoh Hadith ke-17 iaitu Hadith tentang kedatangan tiga puluh orang pendusta yang mengaku Nabi.²³⁹
8. Hukum-hukum fekah. Contoh Hadith ke-11 iaitu Hadith tentang keharusan untuk berbicara antara selepas khutbah dan sembahyang pada hari Jum'at.²⁴⁰
9. Dan pelbagai tema lainnya dari Hadith-Hadith Nabawiyyah yang bermanfaat dan berfaedah dalam urusan agama.

Demikian tinjauan metode pemilihan Hadith ditinjau dari aspek matan Hadith yang dapat dikenali dalam kitab *al-Arba 'ün al-Buldāniyyah*. Pada dasarnya Hadith-Hadith yang terdapat dalam kitab ini disusun bukan berdasarkan tajuk-tajuk tertentu tetapi fokus pengumpulan Hadith dalam kitab ini adalah mana-mana Hadith yang diperolehi penulisnya yang disusun secara *al-Arba 'ün al-Buldāniyyah*.

Manakala pada penjelasan diatas ini untuk memberikan gambaran tentang tema-tema Hadith yang terdapat dalam kitab ini.

4.2.1(b) Aspek Sanad

Seperti yang telah dijelaskan bahawa kitab ini merupakan kumpulan daripada 40 orang guru Sheikh Yāsīn al-Fādānī yang mempunyai sanad Hadith bersambung sampai para penulis Hadith asal sehingga sampai kepada Rasulullah s.a.w.

Terdapat beberapa metode yang diaplikasi penulis kitab ini dalam pemilihannya terhadap Hadith-Hadith yang dikeluarkannya, antaranya adalah:

Pertama, semua Hadith dalam kitab ini mempunyai sanad yang bersambung yang disampaikan daripada gurunya sehingga kepada sanad peringkat pertama (Sahabat r.a.).

²³⁹ *Ibid.*, 34-35.

²⁴⁰ *Ibid.*, 23.

Contoh penerimaan sanad daripada gurunya sehingga perawi asal kitab Hadith kemudian bersambung sampai kepada perawi peringkat pertama (Sahabat r.a.), sebagaimana contoh berikut:²⁴¹

أَخْبَرَنَا الشِّيخُ ثَابِتُ بْنُ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنُ سَلِيمَانَ بْنُ عَبْدِ الْوَهَابِ بْنِ عَلِيٍّ الْعَفِيفِيِّ الطَّائِفِيِّ

، قَالَ: أَخْبَرَنَا الْإِمَامُ مُصْطَفَى بْنُ مُحَمَّدٍ بْنُ سَلِيمَانَ بْنُ أَحْمَدَ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ الْعَفِيفِيِّ الْمَكِيِّ

الْمَدْرَسُ بِالْمَسْجِدِ الْحَرَامِ ، قَالَ: أَخْبَرَنَا أَبِي ، قَالَ: حَدَثَنَا السَّيِّدُ أَبُو الْفَيْضِ مُحَمَّدُ مُرْتَضَى

بْنُ مُحَمَّدِ الرَّبِيعِيِّ ، قَالَ: حَدَثَنَا عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ أَسْلَمَ أَبُو بْنِ الْعَفِيفِ الْحَسَنِيِّ الْمَكِيِّ

، قَالَ: حَدَثَنَا السَّيِّدُ أَحْمَدُ بْنُ نَاصِرِ الدِّينِ بْنُ أَحْمَدَ بْنِ الشِّيْخِ أَبِي بَكْرِ سَالِمِ الْعَلْوَى

الْعَيْنَى قَدْمَ إِلَيْنَا مَكَّةَ الْمَكْرُومَةِ ، قَالَ: حَدَثَنَا عُمَرُ بْنُ عَبْدِ الرَّحِيمِ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ الْأَحْسَانِيِّ

الْبَصَرِيِّ الْحَسَنِيِّ ، قَالَ: حَدَثَنَا الْفَقِيهُ أَحْمَدُ بْنُ حَجْرِ الْمَكِيِّ ، قَالَ: أَخْبَرَنَا مُحَمَّدُ بْنُ أَبِي

الْحَمَائِلِ الْمَصْرِيِّ الْمَهِيمِيِّ ، قَالَ: حَدَثَنَا أَحْمَدُ بْنُ عَبْدِ الرَّحِيمِ الْعَرَاقِيِّ ، قَالَ: حَدَثَنِي عَبْدُ

الْوَهَابِ بْنِ عَلِيٍّ السَّبِيْكِيِّ ، قَالَ حَدَثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ أَحْمَدَ الْذَّهَبِيِّ ، قَالَ حَدَثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ

جَابِرٍ ، قَالَ أَبْنَانَا يَحْيَى بْنُ إِبْرَاهِيمَ الْمَعَافِرِيِّ ، قَالَ: أَبْنَانَا أَحْمَدُ بْنُ مُحَمَّدِ الْبَرْجِ ، قَالَ:

أَبْنَانَا أَبُو الْقَاسِمِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ السَّهِيلِيِّ ، قَالَ: حَدَثَنَا أَبُو بَكْرِ بْنِ عَرَبِيِّ

الْمَالِكِيِّ الْإِشْبِلِيِّ ، قَالَ: حَدَثَنَا سَعِيدُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ بْنُ أَبِي الرَّحَاءِ ، قَالَ: حَدَثَنَا أَبُو نَعِيمَ

الْحَافِظِ ، قَالَ: حَدَثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ جَعْفَرٍ ، قَالَ: حَدَثَنَا يُونُسُ بْنُ حَبِيبِ الْعَجْلَىِ ، قَالَ:

: حَدَثَنَا أَبُو دَاودُ الطَّيَالِسِيُّ ، قَالَ: حَدَثَنَا شَعْبَةُ ، قَالَ: أَخْبَرَنِي قَتَادَةُ ، قَالَ: سَمِعْتُ

أَنْسَ بْنَ مَالِكَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ يَحْدُثُ ...²⁴²

²⁴¹ Ibid., 9.

²⁴² Ibid., 9.

Kedua, Hadith-Hadith yang terdapat dalam kitab ini merupakan Hadith-Hadith yang diriwayatkan secara bersanad daripada 40 guru penulis yang berasingan tempat dan asalnya. Ianya memuat Hadith-Hadith yang dikeluarkan penulis dalam kitabnya ini yang dipilihnya mana-mana yang paling sedikit jalur sanadnya (*sanad ‘ali*) dan ini juga merupakan kelebihan sanad beliau.

Contoh Hadith:

قال رسو الله صلی الله علیہ وسلم : من منح منحةً من ورقٍ أو هدیٍ زُفَاقًا كان له مثل

عقل رقبة

Maksudnya: “Rasulullah s.a.w. bersabda: “Sesiapa yang memberikan sesuatu pemberian perak (wang) atau menunjukki orang yang tersesat (jalan), untuknya pahala seperti (pahala) memerdekaan seorang hamba.”

Hadith ini diterima Sheikh Yāsīn al-Fādānī daripada guru beliau bernama Sheikh Muḥammad ‘Alī bin Ḥusain al-Mālikī al-Makkī (m.1367H) secara bersambung sanadnya sehingga Imam Aḥmad bin Ḥanbal dari jalur Abū Mu’awiyah dari Qanān al-Nahmī bin ‘Abd Allāh dari ‘Abd al-Rahmān ‘Awsajah dari al-Barrā’ bin ‘Āzib al-Anṣārī r.a. daripada Rasulullah s.a.w.

Hadith yang diriwayatkan melalui jalur Imam Aḥmad bin Ḥanbal daripada Abū Mu’awiyah, dari Qanān bin ‘Abd Allāh al-Nahmī²⁴³, dari ‘Abd al-Rahmān bin ‘Awsajah, dari al-Barrā’ bin ‘Āzib r.a.

Hadith ini mempunyai jalur lain yang lebih sedikit jumlah periwayatan dalam sanadnya (*isnad ‘ali*)²⁴⁴ dibandingkan dengan jalur lain seperti yang diriwayatkan

²⁴³ Sebahagian Ulama membaca dengan “al-Nihmī” seperti yang terdapat dalam *Mīzān al-I’tidāl* karya al-Ḥāfiẓ al-Dhahabī (3/392/6904) dan *Tahdhīb al-Tahdhīb* karya al-Ḥāfiẓ Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī (6/24/6478). Lihat Muḥammad bin Aḥmad bin Uthmān al-Dhahabī, ‘Alī Muḥammad al-Bukhārī, ed., *Mīzān al-I’tidāl fī Naqd al-Rijāl* (Beirut: Dār al-Ma’rifah, t.t.), 392 dan Al-‘Asqalānī, *Tahdhīb al-Tahdhīb*, 6:24. Terdapat kesalahan penulisan nama perawi dalam kitab *al-‘Arba ‘ūn al-Buldāniyyah* karya Shaykh Yāsīn al-Fādānī ini. Didalam kitab tersebut ditulis dengan nama Qanān bin ‘Abd Allāh al-Fahmī. Tidak dikenalpasti sama ada kesalahan tersebut dilakukan oleh penulis kitab atau percetakan/ penerbit kitab (Dār al-Bashā’ir al-Islamiyyah).

daripada ‘Affān dari Muḥammad bin Ṭalḥah bin Muṣarrif dari ‘Abd al-Rahmān bin ‘Awsajah dari al-Barrā’ bin ‘Āzib r.a.

4.2.2 Metode Penyampaian Hadith

Penyampaian Hadith dan takhrij yang diaplikasi oleh Sheikh Yāsīn al-Fādānī. Manakala metode penyampaian Hadith bermaksud cara yang diaplikasi Sheikh Yāsīn al-Fādānī dalam menyampaikan Hadith berupa *sighah* tertentu untuk menunjukkan sama ada Hadith yang disampaikannya itu diperolehi atau diriwayatkan daripada gurunya melalui mendengar terus, membacakan kepada guru, dengan cara ijazah maupun lainnya.

Penerimaan dan periwayatan Hadith mempunyai cara-cara dan kaedah-kaedah tersendiri yang perlu diikuti oleh setiap perawi Hadith. Ini bermakna bahawa sesebuah Hadith tidak boleh diterima dan disampaikan sesuka hati atau secara biasa sebagaimana sesuatu berita diterima dan disampaikan.²⁴⁵ Dalam istilah ilmu Hadith kaedah ini dikenali dengan *tahammul al-‘ilm wa al-adā’*.

Perkataan *al-tahammul* (تحمل) menurut bahasa bererti menanggung.²⁴⁶ Manakala menurut istilah ilmu Hadith bermaksud pengambilan atau penerimaan Hadith-Hadith daripada guru.²⁴⁷

Kalimah *al-adā’* (الاداء) pula secara bahasa terambil dari kata: أَدَى – يُؤْدِي – أَدَاءً bermakna: menyampaikan (Hadith) kepada orang lain.²⁴⁸ Manakala iaitu:

²⁴⁴ *Isnad ‘Alī* adalah sanad yang jumlah perawi lebih sedikit dibandingkan dengan sanad yang lain.

²⁴⁵ Mohd.Muhiden Abd. Rahman, ‘Ulum al-Hadith: lengkap dengan Takhrij dan Pengajian Sanad Hadith (Ampang/ Hulu Kelang: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010), 158.

²⁴⁶ Ramli Abdul Wahid dan Husnel Anwar Matodang, Sulidar, ed., *Kamus Lengkap Ilmu Hadis* (Medan: Perdana Publishing, 2011), 234.

²⁴⁷ Syed Abdul Majid Ghouri, *Pengenalan Ilmu Mustalah al-Hadith: al-Muyassar fi ‘Ilm Mustalah al-Hadith*, terj. Md. Hazim bin Hussin (Bangi: Darul Syakir Enterprise, 2011), 75.

²⁴⁸ Muḥammad bin Ṣāliḥ bin ‘Uthaymīn, *Muṣṭalah al-Hadīth*, KSA: Dār Ibn al-Jawzī, 2006), 64.

secara istilah pula *al-adā'* atau *adā' al-Hādiṭh* bermakna periwayatan dan penyampaian Hadith daripada seorang rawi kepada orang lain.²⁴⁹

Dr. Maḥmūd al-Tahān dalam hasyiah kepada kitabnya, *Taysīr Muṣṭalah al-Hādiṭh* memberikan takrif *al-adā'* sebagaimana berikut:

الأداء : روایة الحديث و اعطاؤه للطلاب²⁵⁰

“*Al-Adā'* ialah meriwayatkan Hadith dan memberikannya kepada para murid.”

Para Ulama Hadith mempunyai istilah-istilah atau lafaz-lafaz tertentu dalam proses penyampaikan sesebuah riwayah yang dalam istilah ilmu Hadith dikenal dengan *ṣiyagh al-adā'*. Terdapat beberapa tingkatan *ṣiyagh al-adā'*, iaitu:

Tingkatan pertama, apabila seorang sahaja yang mendengar Hadith daripada seorang guru maka ia mengatakan: (سَمِعْتُ) “*sami'tu*” atau (حَدَّثَنِي) “*haddathani*”.

Manakala jika terdapat orang lain yang mendengarkan selainnya maka ia kata: (سَمِعْتُمَا) “*sami'nā*” atau (حَدَّثَنَا) “*haddathanā*”.

Tingkatan ini dikenali dengan kaedah *al-Samā'* atau *Samā' min Lafz al-Shaykh* iaitu seorang guru membacakan Hadith dan murid mendengarkannya sama ada guru itu membaca dari lisannya (lafaz) mahupun kitabnya, dan juga sama ada murid itu menengar dan menuliskan yang ia dengar mahupun mendengar sahaja tanpa menulisnya.²⁵¹

Tingkatan kedua pula dikenal dengan istilah *al-Qirā'ah*, apabila ia membacakan Hadith kepada guru maka ia mengatakan: “*qara'tu 'alayh* (aku telah bacakan

²⁴⁹ Sājid al-Rahmān al-Ṣadīq (1429H/ 2005M), *al-Mu'jam al-Hadīth fi 'Ulūm al-Hadīth*, Beirut: Dār Kutub al-'Ilmiyyah, h. 13.

²⁵⁰ Maḥmūd al-Tahān, *Taysīr Muṣṭalah al-Hadīth*, c. 11, Riyadh: Maktabah al-Ma'ārif, 2010), 195.

²⁵¹ *Ibid.*, h. 158.

kepadanya), “*akhbaranī qirā’ah ‘alayh* (telah menghabarkan kepadaku dengan cara *qirā’ah*), atau *akhbaranī* (telah menghabarkan kepadaku).

Tingkatan ketiga, apabila ada yang membacakan Hadith kepada guru sedangkan ia mendengar maka ia mengatakan: “*quri’ah ‘alayh wa ana asma’*”(telah dibacakan kepadanya sedangkan aku mendengar), *qara’nā ‘alayh* (kami telah membaca kepadanya), atau *akhbaranā* (telah menghabarkan kepada kami).

Tingkatan kedua dan ketiga ini dikenali dengan kaedah *al-Qirā’ah* atau *al-‘Arad* iaitu seorang murid membacakan Hadith yang diriwayatkan oleh gurunya dan gurunya itu mendengarkan bacaannya tersebut sama ada murid tersebut yang membaca mahupun ada yang lain yang membacakannya.²⁵²

Tingkatan keempat, apabila ia meriwayatkan daripada gurunya dengan cara ijazah maka ia mengatakan: “*akhbaranī ijāzah* (telah menghabarkan kepadaku dengan cara ijazah), *haddathanī ijāzah* (telah menceritakan kepadaku dengan cara ijazah), *anba’ani* (telah memberitakan kepadaku), atau ‘*an fulān* (daripada fulan).

Tingkatan ini dikenali dengan kaedah *al-Ijāzah* iaitu pemberian atau izin untuk meriwayatkan Hadith daripada seorang guru sama ada lafaz mahupun kitab guru tersebut.²⁵³

Menurut Dr. Muṣṭafā al-A’ẓamī pula dalam bukunya *Studies in Hadith Methodology and Literature*, lafaz (حَدَّثَنَا) “*haddathanā*” kebanyakan digunakan untuk kaedah *al-Samā’*, manakala lafaz *sami’ah* khas digunakan utk kaedah pertama ini. Lafaz (أَخْبَرَنَا) “*akhbaranā*” biasa diguna untuk kaedah *al-Arād* atau *al-Qirā’ah*. Lafaz (أَتَلَاهُ) (أَتَلَاهُ)

²⁵² *Ibid.*, 159.

²⁵³ *Ibid.*, 160. Perbezaan dalam mengaplikasi istilah-istilah ini terdapat pada kalangan mutaakhirin, manakala kalangan mutaqaddimin tidak membezakan sama ada perkataan *haddathanī*, *akhbaranī* mahupun *anba’ani* bermaksud kepada poin pertama, iaitu seseorang mendengar hadith terus daripada guru. Lihat ‘Uthaymīn, *Muṣṭalah al-Hadīth*, 65.

anba'anā pula biasa diguna untuk kaedah *Ijāzah* dan *Munāwalah*. Manakala lafaz ‘*an*’ pula boleh digunakan untuk kesemua kaedah.²⁵⁴

Adapun kaedah penyampaian Hadith yang diaplikasi oleh Sheikh Yāsīn al-Fādānī daripada gurunya melalui *siyagh-al-adā'* yang dapat dikenalpasti ada tiga macam atau bentuk,²⁵⁵ iaitu:

1. Kalimah: (حَدَّثَنَا) “*Haddathanā*” diaplikasi sebanyak tiga kali, iaitu terdapat pada Hadith pertama, Hadith ke-2, dan Hadith ke-16.
2. Kalimah: (أَخْبَرَنَا) “*Akhbaranā*”²⁵⁶ diaplikasi sebanyak dua puluh lima kali, iaitu terdapat pada Hadith ke-3, Hadith ke-4, Hadith ke-7, Hadith ke-8, Hadith ke-10, Hadith ke-11, Hadith ke-12, Hadith ke-13, Hadith ke-14, Hadith ke-15, Hadith ke-18, Hadith ke-19, Hadith ke-21, Hadith ke-22, Hadith ke-23, Hadith ke-24, Hadith ke-25, Hadith ke-27, Hadith ke-28, Hadith ke-31, Hadith ke-34, Hadith ke-35, Hadith ke-38, Hadith ke-39, dan Hadith ke-40.
3. Kalimah: (أَنْبَأَنَا) “*Anba'anā*”diaplikasi sebanyak dua belas kali, iaitu terdapat pada Hadith ke-5, Hadith ke-6, Hadith ke-9, Hadith ke-17, Hadith ke-20, Hadith ke-26, Hadith ke-29, Hadith ke-30, Hadith ke-32, Hadith ke-33, Hadith ke-36, dan Hadith ke-37.

Kadang terdapat kekeliruan dalam penyampaiannya dari kitab dan perawi asalnya, tetapi kesalahan itu hanya sedikit dikeranakan penyajian Hadith secara makna yang dibentangkan oleh Sheikh Yāsīn al-Fādānī.

²⁵⁴ Muḥammad Muṣṭafā A'zamī, *Studies in Hadith Methodology and Literature* (Indianapolis: American Trust Publications, 1997), 21-22.

²⁵⁵ Di dalam istilah ilmu hadith terdapat beberapa bentuk atau *siyagh al-adā'* yang biasa digunakan oleh para Ulama Hadith,di antaranya ialah: kalimah (حَدَّثَنَا), kalimah (أَخْبَرَنَا) sering disingkat dengan (هـ) atau (هـ)sahaja, kalimah (أَنْبَأَنَا) sering disingkat dengan (أـ) dan kadang-kadang (أـ)، kalimah (أَنْبَأَنَا) dan lain-lainnya.

²⁵⁶ *Sighah “Akhbaranā”*merupakan yang paling banyak diaplikasi dalam menyampaikan hadith-hadithnya tersebut, kemudian *Anba'anā* dan yang paling sedikit *Haddathanā*.

Berikut salah satu contoh Hadith yang terdapat dalam kitab *al-Arba‘ūn al-Buldāniyyah* yang disandarkan secara bersambung sanadnya sehingga Imam Ahmad bin Hanbal:

قال : حدثنا أبو معاوية ، قال : حدثنا أبو حنبل الشيباني ، قال : حدثنا أبو عازب ، قال : حدثنا عبد الرحمن بن عوسة ، عن البراء بن عازب الأنصاري رضي الله عنه قال : قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : من منح منحة من ورق أو هدى زفافاً كان له مثل عتق رقبة²⁵⁷

Analisisnya adalah bahawa dalam rangkaian sanad ini, antara Qanān bin ‘Abd Allāh al-Nahmī dan ‘Abd al-Rahmān bin ‘Awsajah menggunakan *shighat*: “’an (dari)”, Manakala yang terdapat didalam Musnad Ahmad melalui jalur yang sama menggunakan *sighat*: “*haddathanā*” (telah menceritakan kepada kami)”. Berikut Hadith yang terdapat didalam kitab Musnad Ahmad:

حَدَّثَنَا أَبُو مُعَاوِيَةَ، حَدَّثَنَا قَنَانُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ النَّهْمِيُّ، عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ عَوْسَاجَةَ عَنْ الْبَرَاءِ بْنِ عَازِبٍ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ قَالَ: لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ أَوْ مَنْحٌ مِنْحًا أَوْ هَدَى زُفَافًا كَانَ كَمَنْ أَعْتَقَ رَقَبَةً²⁵⁸

4.2.3 Metode Pentakhrijan dan Penilaian Hadith

Metode ini bermaksud cara yang diaplikasi Sheikh Yāsīn al-Fādānī didalam kitab ini sama ada dari sudut pentakhrijan disertai hukumnya. Manakala dari sudut pentakhrijan, yang diaplikasi penulisnya adalah sebagai berikut:

²⁵⁷ Yāsīn, *al-Arba‘ūn al-Buldāniyyah*, 6.

²⁵⁸ Ahmad, *Musnad Ahmad*, 2:336.

Pertama: Menyebutkan status Hadith disertai takhrij ringkas oleh penulis kitab.

Setelah menyebutkan satu Hadith dengan sanadnya sekali, beliau menyatakan status Hadith tersebut sama ada sahih, hasan, hasan sahih, tetapi tidak pernah mengatakan sesuatu Hadith yang dibawakannya dalam kitabnya ini sebagai Hadith daif, tetapi beliau hanya menukilkan perkataan Ulama yang menghukumi daif atas Hadith itu.

Contoh bentuk penilaian sahih sekaligus bentuk pentakhrijan beliau:

هذا حديث صحيح أخرجه أبو داود الطيالسي في مسنده بهذا اللفظ و الإسناد ، ورواه

أبو نعيم في الخلية سنته هذا إلى أبي داود ، و أخرجه ابن حنبل في مسنده ، والشیخان

البخاري و مسلم ، والحاكم و أبو داود ، و الترمذی ، وغيرهم .²⁵⁹

“Hadith ini sahih diriwayatkan oleh Abū Dāwud al-Ṭayālī dalam Musnadnya dengan lafaz dan *isnad* ini. Diriwayatkan pula oleh Abū Nu’aym dalam al-Ḥilyah dengan sanadnya ini sehingga kepada Abū Dāwud, dan diriwayatkan oleh Ibn Ḥanbal dalam Musnadnya, Shaykhān: al-Bukhārī dan Muslim, al-Ḥākim, Abū Dāwud dan al-Tirmidhī serta yang lainya.”²⁶⁰

Contoh bentuk penilaian hasan:

هذا حديث حسن ، أخرجه أبو داود في سنته بهذا اللفظ و الإسناد ، وأخرجه الترمذی و

قال : حسن ، وقد تابعه محمد بن الزيرقان ، عن سليمان التميمي ، عن أبي عثمان

النهدي ، عن سليمان الفارسي ...

“Hadith ini hasan diriwayatkan oleh Abū Dawud dalam *Sunan*-nya dengan lafaz dan sanad ini, diriwayatkan juga oleh al-Tirmidhī, ia berkata: Hasan, Hadith ini telah diikuti (*muta’ba’ah*) dari jalur

²⁵⁹ Yāsīn, *al-Arba ‘ūn al-Buldāniyyah*, 10.

²⁶⁰ *Ibid.*

Muhammad bin al-Zaburqān, daripada Sulayman al-Tamimi, daripada Abū ‘Uthmān al-Nahdī, dari Salmān al-Fārisī...²⁶¹

Contoh bentuk penilaian hasan sahih:

هذا حديث حسن صحيح ، أخرجه الإمام أحمد بن حنبل في مسنده بهذا اللفظ و

الإسناد ، وقد روی مسلسلاً من حديث ابن مسعود بقوله : حدثنا فلان و علمني

التحوید ، وهو عزيز جداً²⁶²

“Hadith ini hasan sahih, diriwayatkan oleh Imam Ahmad bin Hanbal dalam *Musnadnya* dengan lafaz dan sanad ini, telah pula diriwayatkan secara *musalsal* daripada Hadith Ibn Mas’ud dengan perkataan beliau: “si fulan telah menceritakan kepada kami dan mengajarkan ilmu tajwid kepadaku, dan ia merupakan perkara yang sangat mulia.”

Contoh bentuk penilaian lain yang tidak secara *sarih* beliau lemahkan tetapi hanya menukilkan kenyataan Ulama yang melemahkannya.

هذا حديث أخرجه ابن ماجة في سننه بهذا اللفظ و الإسناد ، فيه عبد الرحمن بن سعيد

بن عمّار بن سعد : ضعفه صاحب الزوائد²⁶³

Hadith ini diriwayatkan oleh Ibn Majah dalam *Sunan-nya* dengan lafaz dan sanad ini, didalamnya terdapat ‘Abd al-Rahman bin Sa‘ad bin ‘Ammar bin Sa‘ad, seorang yang dilemahkan oleh pengarang kitab *al-Zawā’id*.²⁶⁴

Kedua: Kadang-kadang pula setelah menyatakan status Hadith sama ada sanad mahupun matannya, beliau mengemukakan perkataan beberapa Ulama Hadith yang mengomentari Hadith itu, tapi ayat daripada perkataan tersebut dikemukakan secara

²⁶¹ *Ibid.*, 37.

²⁶² *Ibid.*, 18.

²⁶³ *Ibid.*, 20.

²⁶⁴ *Ibid.*

ringkas sahaja dan tidak lengkap atau spesifik. Contohnya: Kenyataan beberapa Ulama yang melemahkan satu Hadith yang beliau bawa, tidak dihuraikan secara spesifik kelemahannya, sebagai berikut:

هذا حديث حسن الإسناد رواه ابن أبي شيبة في مسنده ، و الحاكم في المستدرك ، و البيهقي في شعب الإيمان ، و ابن الأنباري في كتاب المصاحف ، و فالحاكم : صحيح عند جماعة ، و رده الذهبي في تلخيص المستدرك فقال : مجمع على ضعفه ، و تبعه الزين العراقي فقال : بسنده ضعف ، و قال الميتمي في مجمع الزوائد : فيه متوك ، و قال المناوي : فيه ضعفان ، و كذلك ضعفه السيوطي في جامعه²⁶⁵

“Al-Ḥākim berkata: Sahih menurut jama’ah, al-Dhahabī meriwayatkannya dalam *Talkhiṣal-Mustadrāk* lalu berkata: disepakati kelemahannya, kemudian diekori oleh al-Zayn al-‘Iraqī, ia berkata: sanadnya lemah, al-Haythamī (mengomentarinya) dalam kitab *Majma’ al-Zawā’id*: terdapat didalamnya (seorang) yang ditinggalkan (*matrūk*), al-Mundhiri berkata: padanya ada dua kelemahan, al-Suyuti juga melemahkannya dalam kitab *Jāmi’* beliau.”²⁶⁶

Secara umum berdasarkan pensemakan terhadap penilaian status Hadith oleh Sheikh Yāsīn al-Fādānī menilai status Hadith dalam kitabnya ini dapat dispesifikasi kepada beberapa bahagian iaitu penilaian terus terhadap sanad dan matan Hadith sekali dan penilaian terhadap sanadnya sahaja.

1. Penilaian terus terhadap sanad dan matan Hadith sekali.

Penilaian ini dibahagikan kepada empat bentuk iaitu: Hadith *Sahīh*, Hadith *Hasan*, Hadith *Hasan Sahīh*, Hadith *Sahīh al-Isnād wa al-Matn* dan Hadith *Lā ba’s bih*. Hurairannya adalah sebagaimana berikut:

²⁶⁵ *Ibid.*, 8.

²⁶⁶ *Ibid.*

- Hadith *Sahīh* disebutkan sebanyak sebelas kali, iaitu pada Hadith ke-3, Hadith ke-4, Hadith ke-5, Hadith ke-6, Hadith ke-13, Hadith ke-15, Hadith ke-20, Hadith ke-23, Hadith ke-37, Hadith ke-38 dan Hadith ke-39.
 - Hadith *Sahīh al-Isnād wa al-Matn* disebutkan sebanyak satu kali, iaitu pada Hadith ke-25 sahaja.
 - Hadith *Hasan* disebutkan sebanyak lima kali, iaitu pada Hadith ke-7, Hadith ke-17, Hadith ke-18, Hadith ke-22, dan Hadith ke-27.
 - Hadith *Hasan Sahīh* disebutkan sebanyak dua kali, iaitu pada Hadith Hadith ke-8, dan Hadith ke-11.
2. Penilaian terhadap sanad Hadith sahaja.
- Kebanyakannya penilaian sanad Hadith yang dilakukan oleh Sheikh Yasin al-Fadani dalam kitabnya ini terdiri dari: *Sahīhal-Isnād*, *Hasan al-Isnād*, *Hasan Sahīh al-Isnād* atau *Isnāduh Hasan*, dan *Isnāduh Lā Ba's bih*. Huraianya adalah sebagaimana berikut:
- Hadith *Sahīh al-Isnād* disebutkannya sebanyak tiga kali, iaitu Hadith ke-14, Hadith ke-19, dan Hadith ke-31.
 - Hadith *Hasan al-Isnād* atau *Isnāduh Hasan* disebutkan sebanyak tujuh kali, iaitu Hadith ke-2, Hadith ke-5, Hadith ke-10, Hadith ke-12, Hadith ke-26, Hadith ke-32, dan Hadith ke-34.
 - Hadith *Hasan Sahīh al-Isnād* disebutkan sebanyak sekali sahaja, iaitu Hadith pertama.
 - Hadith *Isnāduh Lā Ba's bih* disebutkan sebanyak dua kali, iaitu Hadith ke-33, dan Hadith ke-35
3. Hadith-Hadith yang tidak sahihkan dan tidak pula dilemahkan oleh Sheikh Yāsīn al-Fādānī secara *sariḥ* (jelas) tapi beliau menjadikannya hujjah bersamaan menyertai perkataan Ulama Hadith yang melemahkan salah seorang yang

terdapat dalam sanad Hadith tersebut. Contohnya terdapat pada Hadith ke-9 tentang memperbanyak takbir pada khutbah ‘*Id*.²⁶⁷

4. Hadith-Hadith yang dikemukakan takhrijnya tetapi tidak disebutkan statusnya langsung. Contohnya pada Hadith ke-21.
5. Hadith-Hadith yang tidak dikomentari statusnya dan tidak pula ditakhrij selain tarkhrij daripada sanad beliau sendiri sahaja. Contohnya Hadith ke- 24.

4.2.4 Metode Huraian Hadith

Sebagai seorang yang pakar dalam masalah dirayah Sheikh Yāsīn al-Fādānī tidak sahaja mampu menjaga sanad-sanad Hadith tapi juga mengambil hukum daripadanya.

Kemampuan tersebut disokong oleh kekuatan beliau dalam ilmu bahasa, fekah dan ilmu usul. Dari aspek ini, Sheikh Yāsīn al-Fādānī penjelasan/ syarahan atas kalimah yang *gharib*. Penjelasan tersebut biasanya merupakan pandangan fekah beliau dan dasar argumen yang beliau jadikan dalil dalam sesuatu hukum.

Adapun cara yang beliau aplikasi disini antara lain:

- Pada umumnya diletakkan pada catatan kakinya.
- Terkadang Sheikh Yāsīn al-Fādānī mensyarahkan terus Hadith-Hadith tersebut selepas mengemukakan takhrij Hadith itu sekali gus merupakan pandangan fekah beliau. Contohnya Hadith ke-9 beliau berkata:

فِيهِ نَصٌّ عَلَى الْإِكْثَارِ مِن التَّكْبِيرِ فِي خُطْبَتِ الْعَدِينِ ، فِي أَوْسَاطِهَا وَأَطْرَافِهَا ، فِي كُرْهَةِ فِي

غَيْرِ يَوْمِيِ الْعَدِينِ كَمَا قَالَ بِهِ الشَّافِعِيُّ عَلَى الْأَصْحَاحِ²⁶⁸

“Pada Hadith ini terdapat *nas* untuk memperbanyak takbir dalam khutbah ‘*Id* (‘*Id al-Fitr* dan ‘*Id al-Adhā*) sama ada ditengah-tengah khutbah mahupun diawal dan akhirnya. Selain dua hari tersebut maka

²⁶⁷ *Ibid.*, 20.

²⁶⁸ *Ibid.*

perkara itu tidak disukai (makruh) sebagaimana yang dikatakan oleh kalangan Shafi'iyyah berdasarkan pendapat yang paling benar.”

Contoh lainnya seperti pada Hadith ke-11 beliau berkata:

فِيهِ جَوَازُ قَطْعِ الْمَوَالَةِ بَيْنَ الْخُطْبَةِ وَالصَّلَاةِ بِتَكْلِيمِ النَّاسِ عِنْدَ الْحَاجَةِ²⁶⁹

“Pada Hadith ini terdapat keharusan memutus antara khutbah dan sembahyang dengan berbicara kepada manusia kerana adanya keperluan.”

Pada Hadith ke-18 juga beliau berkata:

فِيهِ جَوَازُ دِفَاعِ الرَّجُلِ عَنْ قَوْمٍ ، أَهْلُ وَطْنِهِ مَا لَمْ يَدْخُلْ فِي دِفَاعِهِ عَنْهُمْ شَيْءٌ مِّنَ الْعَصَبِيَّةِ

، إِنَّ دَافِعَ عَنْ قَوْمٍ تَعَصُّبًا لَّهُمْ فَهُذَا حَرَامٌ²⁷⁰

“Pada Hadith ini terdapat keharusan seseorang membela kaumnya sebangsa selama bukan pembelaan dari kemaksiatan, jika yang membela kaumnya kerana taksub kepada mereka maka hukumnya haram.”

4.3 Analisis Terhadap Metode Penilaian Status Hadith

Sheikh Yāsīn al-Fādānī boleh dibilang Ulama yang memahami pelbagai pendapat para Ulama dalam menghukumi sesebuah Hadith sama ada Hadith itu maqbul atau mardud. Ini terbukti daripada penjelasannya tentang beberapa pendapat Ulama sebelumnya dalam memberikan hukum terhadap suatu Hadith.

Apabila terdapat Ulama yang melemahkan perawi yang terdapat dalam sanad suatu Hadith, kebanyakannya penulisnya tidak menyebutkan nama rawi yang dilemahkan itu, melainkan hanya menyebutkan pendapat yang melemahkan Hadith itu sahaja.

²⁶⁹ *Ibid.*, 23.

²⁷⁰ *Ibid.*, 25.

Dikenali juga bahawa Sheikh Yāsīn al-Fādānī tidak melemahkan satu Hadith pun dalam kitabnya ini, tetapi beliau akan menyampaikan beberapa perkataan sebahagian Ulama yang menilai lemah Hadith itu.

Hal ini dikeranakan beliau sendiri berpandangan bahawa Hadith itu tidak lemah dari sisi sanadnya. Tetapi penilaian tersebut menunukkan sikap *tasahul* beliau terhadap perawi Hadith.

Contoh:

أَنْ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ أَعْرِبُوكُمُ الْقُرْآنَ وَتَتَمَسَّوْكُمْ غَرَائِبَهَا²⁷¹

Sheikh Yāsīn al-Fādānī meriwayatkannya daripada gurunya bernama Sayyid Zakī bin Aḥmad bin Ismā’īl al-Barzanjī (m.1365H). Hadith ini diriwayatkan daripada Abu Hurayrah r.a. daripada Rasulullah s.a.w.

Hadith ini adalah dikeluarkannya melalui jalur Abū Ja’far Muḥammad bin Sa’dān al-Naḥwī dari (*haddathanā*) Abū Mu’āwiyyah dari (‘an) ‘Abd Allāh bin Sa’id al-Muqbiri dari (‘an) ayahnya, dari (‘an) kakeknya, dari (‘an) Abū Hurayrah r.a.²⁷²

Ibn Abū Shaybah pula telah meriwayatkannya dalam *al-Muṣannaf* dari (*haddathanā*) jalur Ibn Idrīs daripada (‘an) al-Muqbirī dari (‘an) kakeknya daripada (‘an) Abū Hurayrah r.a.²⁷³

Hadith ini juga diriwayatkan oleh Imam al-Hākim dalam *al-Mustadrak* dari jalur Abū Mu’āwiyyah dari (*haddathsanī*) ‘Abd Allāh bin Sa’id al-Muqbirī dari (‘an) ayahnya dari (‘an) Abū Hurayrah r.a.²⁷⁴ Imam al-Bayhaqī meriwayatkannya dalam

²⁷¹ *Ibid.*, 7.

²⁷² *Ibid.*

²⁷³ Abd Allāh bin Muḥammad bin Ibrahim bin Abū Shaybah, Ḥamad bin ‘Abd Allāh al-Jam’ah dan Muḥammad bin Ibrāhīm al-Luhaydān, ed., *al-Muṣannaf* (Riyadh: Maktabah al-Rushd, 2004), 10:205 (Kitab Faḍā’il al-Qur’ān, Bab: Mā Jā’a fi l’rāb al-Qur’ān, no. Hadith 30410).

²⁷⁴ Muḥammad bin Abd Allāh al-Hākim al-Naysābūrī, Muṣṭafā ‘Abd al-Qadīr Atā’, ed., *al-Mustadrak ‘alā al-Saḥīḥayn* (cet. ke-4, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2009), 2:477 (Kitab al-Tafsīr, Bab Sūrah Hā Mim al-Sajadah no. Hadith 3644).

Shu'bah al-Imān dari jalur yang sama dengan Imam al-Hakim.²⁷⁵ Demikian pula riwayat Imam Qurtubī dalam Mukaddimah kitab *Tafsir al-Qurṭubī* juga melalui jalur ‘Abd Allāh bin Sa’id al-Muqbiri²⁷⁶.

Nama penuhnya adalah Abū ‘Abbād al-Laythī ‘Abd Allāh bin Sa’id bin Abū Sa’id Kaysānī al-Muqbiri²⁷⁷. Ia merupakan seorang yang dilemahkan oleh para Ulama. Antaranya: Imam Aḥmad yang mengomentarinya: *munkar al-Hādiṭh, matrūk al-Hādiṭh*. Abu Zur’ah pula mengatakannya: *da’if al-Hādiṭh* Abū Ḥātim pula menyebutnya: *laysa bi qawi*, Imam al-Bukhārī berkata tentangnya: *tarakahū*, Al-Ḥākim Abū Aḥmad dan Imam al-Dāruquṭnī mengatakannya sebagai seorang yang *dhahib al-Hadīth* dan matruk. Imam al-Nasā’ī menilainya: *laysa bi thiqah*, dan ramai lagi ahli naqd yang melemahkannya.²⁷⁸ Hafiz al-Dhahabī pula mengatakan bahawa orang itu telah disepakati atas kelemahannya sebagaimana yang juga dinukilkhan oleh Sheikh Yāsīn al-Fādānī.

Sheikh Yāsīn al-Fādānī tidak melemahkan perawi tersebut atau sanad yang Hadith yang dibawakannya tetapi tidak pula mensahihkannya sebagaimana yang dinyatakan sahih sanadnya oleh Imam al-Ḥākim. Malahan mengatakan bahawa Hadith ini hasan dari sisi sanadnya (*hasan al-isnād*), padahal beliau sendiri menyebutkan pendaifan para Ulama terhadap Hadith tersebut. Beliau memberikan komentarnya berikut:

²⁷⁵ Aḥmad bin Ḥusayn al-Bayhaqī, Abd al-‘Alī ‘Abd al-Ḥamīd Ḥāmid, ed., *al-Jāmi’ Li Shu’bah al-Imān* (Riyadh: Maktabah al-Rushd, 2003), 3:548 (Kitab Ta’zīm al-Qur’ān, Bab fī Qirā’ah al-Qur’ān bi Tafkhīm wa al-I’rāb, no. Hadith 2094).

²⁷⁶ Imam al-Qurtubī telah pun meriwayatkan hadith ini daripada gurunya, Yaḥyā bin Sulayman al-Dadbī, dari Muḥammad bin Sa’id, dari Abū Mu’āwiyyah dari ‘Abd Allāh al-Muqbiri. Tetapi beliau justeru menjadikan hadith ini dalil dalam bab ini. Malah beliau meletakkannya dalam Bab bertajuk “Mā Jā’ā fī I’rāb al-Qur’ān wa Ta’līmih wa al-Ḥath ‘alayh wa Thawāb Man Qara’ al-Qur’ān Mu’raban” (tentang I’rab al-Qur’ān dan Mengajarkannya, serta Pahala Orang yang Membacanya secara I’rab). Lihat Muḥammad bin Aḥmad al-Anṣārī al-Qurtubī, Sālim Muṣṭafā al-Badrī, ed., *al-Jāmi’ li Aḥkām al-Qur’ān* (cet. ke-3, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2010), 1:19.

²⁷⁷ Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar al-Asqalānī, Ḥāmid ‘Abd Allāh al-Maḥallāwī, ed., *Tahdhīb al-Tahdhīb* (Kaherah; Dar al-Hadīth, 2010), 4:19.

²⁷⁸ *Ibid.*

هذا حديث حسن الإسناد رواه ابن أبي شيبة في مسنده و الحاكم في المستدرك ،

والبيهaci في شعب الإيمان، وابن الأنباري في كتاب المصاحف، وقال الحاكم : صحيح

عند جماعة ، ورده الذهبي في تلخيص المستدرك فقال: مجمع على ضعفه ، وتبعه الزين

العرaci ف قال: بسند ضعيف ، و قال الهيثمي في مجمع الزوائد : فيه متروك، وقال المناوي

: فيه ضعيفان، وكذلك ضعفه السيوطي في جامعه.

Hadith ini diriwayatkan oleh Sheikh Yāsīn al-Fādānī dari jalurnya riwayat Abu Ja'far Muhammad bin Sa'dan al-Nahwi dari Abu Mu'awiyah dari 'Abd Allah bin Sa'id al-Muqbiri dari ayahnya dari kakeknya dari Abu Hurayrah r.a.²⁷⁹ Manakala riwayat Ibn Abu Shaybah melalui jalur Ibn Sa'id al-Mubirī terus daripada kakeknya.

Demikian pula riwayah Imam al-Hakim iaitu dari jalur 'Abd Allāh bin Sa'id al-Muqbirī dari ayahnya dari Abū Hurayrah r.a (tanpa melalui kakeknya). Dalam riwayat al-Bayhaqī pula Hadith ini diriwayatkan dari jalur yang sama dengan al-Hākim.

Apabila merujuk kembali kepada kedua kitab *al-Mustadrak* dan *Shu'bāh al-Imān* keduanya sama-sama meriwayatkannya daripada Ibn Abu Shaybah dari Abu Mu'awiyah. Sheikh Yāsīn al-Fādānī juga menyebutkan Hadith ini dengan sanad yang hasan daripada riwayat Ibn Abū Shaybah.

Dalam hal ini beliau tampak mengekor kepada penilaian Imam al-Hakim yang mengatakan sanad Hadithnya sahih,²⁸⁰ tetapi Sheikh Yāsīn al-Fādānī lebih ringan daripada Imam al-Hākim, sebab beliau hanya mengatakan yang sanad Hadith tersebut hasan, tidak sampai pada sahih.

²⁷⁹ Yāsīn, *al-Arba 'ūn al-Buldāniyyah*, 8.

²⁸⁰ Imam al-Hakim mengatakan hadith ini: "hadha ḥadīth ṣaḥīḥ al-iṣnād" (hadith ini sahih isnad). Lihat Al-Hākim, *al-Mustadrāk 'alā al-Ṣaḥīḥayn*, 4:477.

Contoh lain Hadith yang dipersoalkan oleh para Ulama adalah Hadith ke-9 dari kitab *al-Arba ‘ūn al-Buldāniyyah* ini, iaitu:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَكْبُرُ بَيْنَ أَضْعَافِ الْخُطْبَةِ بِكْثَرِ التَّكْبِيرِ فِي حُطْبَةٍ

العدين²⁸¹

Maksudnya: “Rasulullah s.a.w. bertakbir diantara tiap-tiap khutbah, (dan) memperbanyak takbir dalam khutbah dua hari raya.”

Hadith ini dikeluarkannya melalui jalur Ibn Mājah dari (*haddathanā*) Hashim bin ‘Ammar dari (*haddathanā*) ‘Abd Allah bin Sa‘ad bin ‘Ammar bin Sa‘ad al-Mu’adhdhin dari (*haddathani*) ayahnya dari ayahnya (‘an) dari (‘an) datuknya.²⁸²

Hadith ini diriwayatkan oleh Ibn Mājah dalam kitab *Sunan Ibn Mājah*²⁸³ seperti yang disebutkan dalam kitab ini dengan penyampaian Hadith dan teks (matan) Hadith yang sama (tepat).

Selain itu berdasarkan seluruh penilaian sanad yang kebanyakan dilakukan oleh Sheikh Yāsīn al-Fādānī, beliau tampak cenderung mengikuti pendapat yang *tasāhul* dalam menghakimi rijal Hadith. Sehingga tidak dijumpai dalam kitabnya ini Hadith-Hadith yang dilemahkannya atau secara tegas menyebutkan kelemahan seorang perawi.

Demikian penjelasan dairpada metode penulisan kitab *al-Arba ‘ūn al-Buldāniyyah* karya Sheikh Yāsīn al-Fādānī, menambahi koleksi karya-karya Hadith dibidang *al-Arba ‘īnāt*.

4.4 Kekuatan dan Kekurangan Kitab

Sesungguhnya tidak ada satu pun kitab atau karya yang telah ditulis oleh manusia yang sempurna dan luput dari kekeliruan dan kesalahan. Kerana itulah kajian sentiasa

²⁸¹ Yāsīn, *al-Arba ‘ūn al-Buldāniyyah*, 20.

²⁸² *Ibid.*

²⁸³ Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, 209 (Kitab Iqāmah al-Ṣalah wa al-Sunah fīhā, Bab Mā Jā'a fī Khutbah fī al-'Idayn, no. Hadith 1287).

dilakukan terhadap satu karya oleh para pengkaji, malah satu kajian pula akan dikaji kembali oleh pengkaji lainnya. Adapun kitab yang tidak ada kelemahan dan kekurangan hanyalah al-Qur'an sahaja.

Demikian pula karya yang telah ditulis oleh para Ulama kita sama ada terdahulu mahupun sekarang. Setiap karya atau tulisan mesti padanya terdapat kekuatan dan kekurangan. Seperti yang terdapat pada kitab Sheikh Yāsīn al-Fādānī dalam *al-Arba 'ūn al-Buldāniyyah* milik beliau.

Setelah melakukan kajian dan analisis terhadap kitab *al-Arba 'ūn al-Buldāniyyah* ini, dan mendedahkan pelbagai maklumat yang berkenaan dengan kitab tersebut, maka dapat dikenali keistimewaan daripada kitab ini dan juga kekurangannya.

4.4.1 Kekuatan Kitab

Kitab ini memiliki kelebihan dan keistimewaan tersendiri dari kitab-kitab lain dalam bab *al-Arba 'inat* ini, lebih lagi dimasa kini.

Kekuatan kitab *al-Arba 'ūn al-Buldāniyyah* adalah berikut:

1. Konsisten dalam menyampaikan sesuatu Hadith dengan sanadnya secara bersambung sehingga kepada perawi Hadith pemilik kitab asal. Sheikh Yasin al-Fadani sentiasa konsisten menjaga tradisi Ulama dalam periyawatan Hadith. Beliau sentiasa tetap mempraktikkan kaedah penyampaian Hadith seperti yang diamalkan oleh para Ulama Hadith silam, walaupun pada masa ini penyampaian Hadith (*tahammul 'ilm wa al-'adā'*) hanya melalui ijazah.
2. Teliti dalam penulisan dan periyawatan Hadith dan sangat memperhatikan setiap lafaz yang terdapat dalam sanad mahupun Hadith. Begitu juga dengan *ṣiyāgh* atau lafaz-lafaz penyampaian Hadithnya pada setiap tabaqatnya. Sehingga jika dilakukan konfirmasi keatas Hadith yang diriwayatkan oleh

seorang perawi Hadith didalam kitabnya, niscaya akan dijumpai kesamaan teks dan sanadnya.

3. Kelebihan yang paling menonjol daripada Sheikh Yāsīn al-Fādānī adalah menguasai dan mempunyai pengetahuan yang sangat luas terhadap kitab-kitab Hadith, syarah dan ilmu-ilmunya, malah mengetahui juga pendapat-pendapat para pakar Hadith dan naqd atas Hadith yang ditulisnya. Kemudian digabungkan dengan pemahaman beliau dalam bidang fekah, sehingga beliau mampu mengeluarkan hukum-hukum dari beberapa Hadith yang berkaitan masalah fekah dalam kitab *al-Arba ‘ūn al-Buldāniyyah* ini.

4.4.2 Kekurangan Kitab

Setakat penyelidikan dan analisis penulis terhadap kitab *al-Arba ‘ūn al-Buldāniyyah*, dijumpai juga beberapa kekurangan yang terdapat dalam kitab tersebut. Dan kekurangan daripada kitab tersebut yang dapat dikesan adalah sebagai berikut;

1. Terlalu menekankan pada rangkaian sanad sehingga tampak seolah-olah tidak terlalu memilih Hadith-Hadith yang dikumpulkannya. Maka itu Hadith-Hadith yang dikumpulkannya tidak tersusun dengan sistematik, dikeranakan beliau lebih fokus pada jumlah guru dari jumlah Hadith. Kerana itu dijumpai dalam kitabnya 2 Hadith yang sama.
2. Cenderung mengambil sikap yang tidak ketat dalam penilaian dan pengamalan sesuatu Hadith, lebih lagi memandangkan pengetahuan beliau terhadap pendapat-pendapat para ahli, serta mengenal banyak referensi kitab Hadith. Selama masih ada Ulama yang menilai sesuatu Hadith itu sahih ataupun hasan, maka beliau pula tidak tergamak mengatakan sesuatu Hadith itu lemah atau melemahkan pula para perawinya. Manakala jalan yang beliau tempuh adalah dengan menyampaikan komentar beberapa Ulama

yang telah memberikan kenyataannya atas sesuatu Hadith didalam kitab mereka.

Inilah beberapa kekuatan dan kekurangan yang dapat dikesan dan dijumpai pada kitab *al-Arba ‘ūn al-Buldāniyyah* karya Sheikh Yāsīn al-Fādānī. Terlepas dari kelebihan dan kekurangannya, Sheikh Yāsīn al-Fādānī telah berjaya membuktikan kepakaran beliau dan keluasan pengetahuan beliau dalam pengajian Hadith serta mampu menggabungkannya dengan bidang ilmu yang lain yang juga beliau kuasai.

4.5 Kesimpulan

Kesimpulan yang dapat diambil dalam bab ini adalah bahawa Sheikh Yāsīn al-Fādānī adalah tokoh Ulama Nusantara yang sangat mendalam dan menguasai pelbagai kitab-kitab keilmuan Islam termasuk di bidang Hadith.

Pengetahuan beliau yang sangat luas terhadap kitab-kitab Hadith dibuktikan melalui karya-karya beliau. Manakala kitab *al-Arba ‘ūn al-Buldāniyyah* merupakan salah satu kitab karya Sheikh Yāsīn al-Fādānī yang banyak memberikan faedah apabila mengkajinya.

Kitab tersebut juga telah menambahkan bukti dan fakta atas kepakaran beliau dalam ilmu Hadith sama ada riwayah mahupun dirayah. Maka itu tidak berlebihan jika gelar *muhaddith* disematkan kepada beliau, meskipun pada faktanya dijumpai beliau agak tahasul dalam masalah pensahihan Hadith dan cenderung memilih pendapat yang menguatkan seseorang perawi Hadith jika ada perbezaan penghukuman atau penilaian oleh para Ulama Hadith dan pakar naqad. Dan kitab tersebut semakin memperlihatkan banyaknya pengetahuan beliau dalam referensi-referensi Hadith dan kitab-kitab para Ulama.